



**PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH
(RISDA)**

(KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR)

Bangunan RISDA, KM 7, Jalan Ampang,
Karung Berkunci 11067,
50990 Kuala Lumpur

Tel : 03-4256 4022

Faks : 03-4257 6726

Laman Web: <http://www.risda.gov.my>

Ruj.Kami : RISDA.100-1/7/1 Jld 5 (4)

Tarikh : 06 April 2022

04 Ramadan 1442H

Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah RISDA Negeri

Semua Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA

Semua Pegawai RISDA Daerah/Jajahan/Bahagian

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**ARAHAN KETUA PENGARAH BILANGAN 10 TAHUN 2022
PEMBERIAN BANTUAN MUSIM TENKUJUH TAHUN 2022 (BMT 2022)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pada 29 Oktober 2021, pihak kerajaan melalui

pembentangan Bajet 2022 telah meluluskan pemberian Bantuan Musim Tengkujuh tahun 2022 (BMT 2022) sebanyak RM600 seorang dengan jumlah peruntukan sebanyak RM191juta melibatkan 232,319 orang pekebun kecil RISDA dan 86,323 orang pekebun kecil LIGS yang terjejas pendapatannya ketika musim tengkujuh.

3. Bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pelaksanaan Pemberian Bantuan Musim Tengkujuh Tahun 2022 (BMT 2022) untuk dijadikan panduan dalam merancang dan melaksanakan program ini di peringkat lapangan. Sehubungan dengan itu, AKP Bil. 23 tahun 2021 Pemberian Bantuan Musim Tengkujuh tahun 2021 (BMT 2021) adalah terbatal.

Ruj.Kami : RISDA.100-1/7/1 Jld 5 (4)

4. Sedemikian, semua Ketua Pusat Tanggungjawab hendaklah memastikan garis panduan ini dipatuhi pelaksanaannya di peringkat lapangan. **Arahan ini berkuatkuasa serta merta mulai daripada tarikh surat ini dikeluarkan.**

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK ABDULLAH BIN ZAINAL)
Ketua Pengarah
RISDA

- s.k : i. Ketua Pengarah
ii. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
iii. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat)

nams/akpbmt2022/desktop

2 / 2

MEMACU MASYARAKAT PEKEBUN KECIL MAKMUR DARIPADA SUMBER KOMODITI DAN HASIL BAHARU
BERLANDASKAN REVOLUSI PERINDUSTRIAN DIGITAL SERTA TEKNOLOGI HIJAU



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEMBERIAN BANTUAN MUSIM TENGKUJUH TAHUN 2022 (BMT 2022)

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penerangan kepada semua Pusat Tanggungjawab tentang pelaksanaan Pemberian Bantuan Musim Tengkujuh Tahun 2022 (BMT 2022).

2.0 PENGENALAN

- 2.1 Bantuan ini diwujudkan bagi membantu pekebun kecil dan penoreh getah yang terjejas pendapatannya akibat tidak dapat menoreh ketika musim hujan.
- 2.2 Pemberian Bantuan Musim Tengkujuh pada tahun 2022 dikenali juga sebagai **BMT 2022**.
- 2.3 Pada 29 Oktober 2021, pihak kerajaan melalui pembentangan Bajet 2022 telah meluluskan pemberian Bantuan Musim Tengkujuh tahun 2022 (BMT 2022) sebanyak RM600 seorang dengan jumlah peruntukan sebanyak RM191juta melibatkan 232,319 orang pekebun kecil RISDA dan 86,323 orang pekebun kecil LIGS yang terjejas pendapatannya ketika musim tengkujuh.

3.0 TAFSIRAN

3.1 Pekebun Kecil (Pemilik Pengusaha)

- i) Pemilik kebun yang mengusahakan sendiri kebunnya bersama ahli isi rumah (suami/isteri/anak) bagi kerja-kerja penyelenggaraan kebun, pembajaan, penorehan dan penjualan hasil.

- ii) Pemilik kebun yang menjadi ahli kepada Projek Tanam Semula Berkumpulan dan melalui Ahli Jawatankuasa melantik pihak lain bagi kerja-kerja penyelenggaraan kebun, pembajaan, penorehan, pemprosesan secara bersistem dan penjualan hasil secara berkelompok.

3.2 Penoreh Bukan Pemilik

Mereka yang menoreh getah di ladang pekebun kecil sebagai pekerjaan utama dan tidak memiliki tanah bertanam getah.

3.3 Berdaftar Dengan RISDA

- i) Pekebun kecil yang tersenarai di dalam Sistem e-SPeK .
- ii) Bagi pekebun kecil yang tiada di dalam senarai Perkara 3.3 (i) di atas, pengisian borang permohonan BMT 2022 dikira sebagai berdaftar dengan RISDA.
- iii) Bagi Penoreh Bukan Pemilik yang tiada di dalam senarai Perkara 3.3 (i) di atas, pengisian borang permohonan BMT 2022 dikira sebagai berdaftar dengan RISDA.
- iv) Peserta yang menyertai program yang dilaksanakan secara bersepada oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar merangkumi pembangunan ladang sejahtera, ladang komersial dan penempatan serta diuruskan oleh RISDA melalui Syarikat Milikan RISDA .
- v) Bagi pekebun kecil di bawah Agensi, pengisian borang permohonan BMT 2022 beserta surat pengesahan daripada Agensi di bawah dikira sebagai berdaftar dengan RISDA iaitu :

- v) Bagi pekebun kecil di bawah Agensi, pengisian borang permohonan BMT 2022 beserta surat pengesahan daripada Agensi di bawah dikira sebagai berdaftar dengan RISDA iaitu :
- a. Lembaga Getah Malaysia (LGM)
 - b. Jabatan Pertanian Sarawak (JPS)
 - c. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
 - d. FELCRA
 - e. KESEDAR
 - f. KETENGAH
 - g. Dan lain-lain sumber Agensi/Jabatan

3.4 Memiliki Jumlah Tanah

Jumlah keluasan semua tanah yang dimiliki adalah berkeluasan 0.1 hingga 2.5 hektar secara agregat.

3.5 Pemilik Tanah Yang Sah

- i) Pemilik tanah yang sah bermaksud tuan punya atau Pemegang Amanah seperti dinyatakan di dalam geran tanah atau pentadbir seperti dinamakan di dalam Surat Kuasa Mentadbir (*letter of administration*) yang dikeluarkan oleh pejabat tanah atau mahkamah yang berkenaan.
- ii) Bagi Negeri Sarawak, pemilik tanah yang sah adalah pemilik tanah berdaftar ke atas surat hakmilik tanah yang dikeluarkan di bawah Seksyen 18 dan Seksyen 13 Kanun Tanah Negeri Sarawak.
- iii) Bagi pemilik yang telah meninggal dunia, pertukaran hakmilik atau pemegang amanah seperti dinyatakan di dalam geran tanah atau pentadbir seperti dinamakan di dalam Surat Kuasa Mentadbir (*letter of administration*) yang dikeluarkan oleh pejabat tanah atau

mahkamah yang berkenaan atau Surat Wakil Kuasa (Mati) iaitu Pengakuan Kematian Dan Waris-Warisnya (TS20A (Pin. 1/96)) seperti di **Lampiran 1** dan Surat Sumpah Oleh Pihak Yang Berkongsi/Waris-Waris/Pemegang Amanah (TS 20B (Pin.1/09)) seperti di **Lampiran 2**.

- vi) Peserta yang menyertai program yang dilaksanakan secara bersepadu oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar merangkumi pembangunan ladang sejahtera, ladang komersial dan penempatan serta diuruskan oleh RISDA melalui Syarikat Milikan RISDA di tanah kerajaan negeri yang dirizabkan bagi tujuan pembangunan ladang sejahtera oleh RISDA sepanjang tempoh yang dipersetujui bersama KPLB, RISDA dan Kerajaan Negeri.

4.0 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

A. Pekebun Kecil (Pemilik Pengusaha)

- i) Warganegara Malaysia sahaja.
- ii) Pekebun kecil yang berdaftar dengan RISDA.
- iii) Memiliki jumlah tanah berkeluasan 0.1 hingga 2.5 hektar secara agregat.
- iv) Pemilik tanah yang sah.
- v) Satu lot hanya seorang penerima bantuan sahaja (tanpa mengambil kira bilangan ahli kongsi).
- vi) Seorang pekebun kecil hanya layak menerima sekali sahaja.

mahkamah yang berkenaan atau Surat Wakil Kuasa (Mati) iaitu Pengakuan Kematian Dan Waris-Warisnya (TS20A (Pin. 1/96)) seperti di **Lampiran 6** dan Surat Sumpah Oleh Pihak Yang Berkongsi/Waris-Waris/Pemegang Amanah (TS 20B (Pin.1/09)) seperti di **Lampiran 7**.

- vi) Peserta yang menyertai program yang dilaksanakan secara bersepadau oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar merangkumi pembangunan ladang sejahtera, ladang komersial dan penempatan serta diuruskan oleh RISDA melalui Syarikat Milikan RISDA di tanah kerajaan negeri yang dirizabkan bagi tujuan pembangunan ladang sejahtera oleh RISDA sepanjang tempoh yang dipersetujui bersama KPLB, RISDA dan Kerajaan Negeri.

4.0 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

A. Pekebun Kecil (Pemilik Pengusaha)

- i) Warganegara Malaysia sahaja.
- ii) Pekebun kecil yang berdaftar dengan RISDA.
- iii) Memiliki jumlah tanah berkeluasan 0.1 hingga 2.5 hektar secara agregat.
- iv) Pemilik tanah yang sah.
- v) Satu lot hanya seorang penerima bantuan sahaja (tanpa mengambil kira bilangan ahli kongsi).
- vi) Seorang pekebun kecil hanya layak menerima sekali sahaja.

B. Penoreh Bukan Pemilik

- i) Warganegara Malaysia.
- ii) Penoreh Bukan Pemilik yang berdaftar dengan RISDA.
- iii) Menoreh di lot berkeluasan 0.1 hingga 2.5 hektar.
- iv) Pengesahan oleh pemilik tanah yang sah.
- v) Satu lot hanya seorang penerima bantuan sahaja.
- vi) Mempunyai Kad Permit Autoriti Getah (PAT-G) yang masih sah.
- vii) Seorang penoreh hanya layak menerima sekali sahaja.

5.0 KADAR BANTUAN

- 5.1 Kadar bantuan sebanyak RM600 kepada setiap Pekebun Kecil (Pemilik Pengusaha) atau Penoreh Bukan Pemilik.
- 5.2 Pemberian bantuan dilaksanakan dua kali (RM300 x 2 bulan) iaitu pada November dan Disember 2022.

6.0 KAEDAH PELAKSANAAN

Pelaksanaan Pemberian Bantuan Musim Tengkujuh tahun 2022 (BMT 2022) adalah seperti berikut :

- i) Penerima adalah Pekebun Kecil (Pemilik Pengusaha) dan Penoreh Bukan Pemilik yang memiliki atau menoreh di **tanah berkeluasan 2.5 hektar ke bawah**; dan
- ii) Bayaran bantuan adalah sebanyak RM600 seorang dan dilaksanakan dua kali (RM300 x 2 bulan) iaitu pada bulan November dan Disember 2022; dan

- iii) Seorang Pekebun Kecil (Pemilik Pengusaha) atau Penoreh Bukan Pemilik hanya **layak menerima bantuan ini sekali sahaja**; dan
- iv) **Satu lot hanya seorang penerima bantuan sahaja** yang layak menerima bantuan sama ada pekebun kecil (pemilik pengusaha) atau penoreh bukan pemilik dan tanpa mengambil kira bilangan ahli kongsi; dan
- v) Dijangka seramai 232,319 orang Pekebun Kecil (Pemilik Pengusaha) atau Penoreh Bukan Pemilik yang berdaftar dengan RISDA layak dipertimbangkan untuk menerima bantuan ini.

7.0 TATACARA PELAKSANAAN

- 7.1 Permohonan BMT 2022 dibuat secara atas talian (*online*) sepenuhnya melalui laman web **pekebunkecilmakmur.com.my** mengikut kategori seperti berikut :
 - i. **Pekebun Kecil (Pemilik Pengusaha) yang bukan di bawah mana-mana Agensi** dan menerima bantuan atau skim tanaman getah di bawah RISDA hendaklah menyertakan dokumen sokongan berikut :
 - a) Kad Pengenalan pemohon dan salinan; dan
 - b) Geran asal tanah dan salinan; dan
 - c) Salinan buku akaun bank yang aktif.
 - ii. **Pekebun Kecil berdaftar dengan RISDA** yang menyertai program yang dilaksanakan secara bersepadu oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yang diuruskan oleh RISDA melalui Syarikat Milikan RISDA hendaklah menyertakan dokumen sokongan berikut :

- a) Kad Pengenalan pemohon dan salinan; dan
 - b) Geran asal tanah dan salinan; dan
 - c) Salinan buku akaun bank yang aktif.
 - iii. Pemohon **Pekebun Kecil** yang menerima bantuan atau skim tanaman getah dari **Agensi** seperti di Perkara 3.3 (v) hendaklah menyertakan dokumen sokongan berikut :
 - a) Kad Pengenalan pemohon dan salinan; dan
 - b) Geran asal tanah dan salinan (jika memiliki tanah bergeran atau mempunyai dokumen hakmilik tanah yang sah); dan
 - c) Salinan buku akaun bank yang aktif; dan
 - d) Surat pengesahan daripada Agensi; dan
 - e) Salinan Kad PAT-G yang masih sah atau slip pengaktifan Kad PAT-G (wajib bagi permohonan di bawah **Jabatan Pertanian Sarawak (JPS)** sahaja).
 - iv. Pemohon **Penoreh Bukan Pemilik** hendaklah menyertakan dokumen sokongan berikut :
 - a) Kad Pengenalan pemohon dan salinan; dan
 - b) Salinan Kad Pengenalan pemilik tanah; dan
 - c) Salinan geran lot yang ditoreh; dan
 - d) Salinan buku akaun bank yang aktif; dan
 - e) Salinan Kad PAT-G yang masih masih sah atau slip pengaktifan Kad PAT-G; dan
 - f) Surat pengesahan daripada pemilik tanah / wakil yang sah.
- 7.2 Permohon BMT 2022 dari Kategori **Pekebun Kecil** juga boleh membuat permohonan di **mana-mana Pusat Tanggungjawab RISDA** yang berhampiran manakala bagi permohonan **Penoreh Bukan Pemilik** hanya boleh dibuat di **Pusat Tanggungjawab di mana kebun yang ditoreh itu berada.**

- 7.3 Semua Pusat Tanggungjawab RISDA hendaklah memastikan semua pemohon membuat temujanji terlebih dahulu sebelum dibenarkan berurusan dengan mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan akibat penularan wabak Covid-19 seperti mewujudkan kaunter saringan kesihatan di pintu masuk bagi memastikan bilangan kehadiran bagi setiap sesi, membuat pemeriksaan suhu badan, saringan kesihatan, membersihkan tangan menggunakan *hand sanitizer* dan mewajibkan pemakaian pelitup muka (*face mask*). Jumlah kehadiran pemohon bagi satu sesi hendaklah tertakluk kepada saiz keluasan ruang dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dan direkod kehadirannya.
- 7.4 Permohonan BMT 2022 yang diterima dari Portal Pekebun Kecil RISDA akan disemak dan diberi kelulusan bagi permohonan yang layak melalui Sistem e-BMT.
- 7.5 Jika Maklumat Tidak Lengkap / Ada Keraguan / Tidak Layak, PT hendaklah menghubungi pekebun kecil untuk tindakan lanjut.
- 7.6 Data penerima BMT 2022 yang layak akan diproses untuk bayaran bantuan secara EFT ke akaun bank penerima.
- 7.7 Status permohonan BMT 2022 boleh disemak melalui Portal Pekebun Kecil RISDA oleh pemohon.
- 7.8 **Carta Alir Pelaksanaan Pemberian Bantuan Musim Tengkujuh Tahun 2022 (BMT 2022)** adalah seperti di *Lampiran 3*.

7.9 Semua PRN/PRD/PRJ adalah diarah untuk membuat hebahan seperti berikut :

- i) PRN dibenarkan membuat hebahan melalui media massa utama, pengumuman semasa majlis perjumpaan RISDA dengan pekebun kecil dan sebagainya.
- ii) Ketua Pusat Tanggungjawab membuat hebahan melalui pemimpin tempatan, semua majlis perjumpaan RISDA dengan pekebun kecil, pengumuman di masjid dan sebagainya.
- iii) Semua syarat kelayakan BMT 2022 hendaklah dimaklumkan semasa hebahan.
- iv) Sila maklumkan kepada pekebun kecil untuk hadir ke Pejabat RISDA berhampiran bagi mendapatkan maklumat lanjut.

8.0 PENGENDALI SISTEM e-BMT

Setiap pengguna Sistem e-BMT perlu mendaftar ID Pengguna di Bahagian Produktiviti dan Pemasaran bagi mengendalikan Sistem e-BMT iaitu :

- i) Pelulus yang terdiri daripada Gred 32 dan ke atas yang diberi kuasa untuk meluluskan permohonan BMT 2022 yang layak dan memenuhi syarat.

9.0 KELULUSAN

Permohonan yang layak dan memenuhi syarat akan diluluskan permohonan melalui Sistem e-BMT oleh Pelulus dengan log masuk menggunakan ID Pelulus yang telah didaftar.

10.0 KAEADAH BAYARAN

- 10.1 Bayaran bantuan kepada pekebun kecil yang layak akan diberi melalui ***Electronic Fund Transfer (EFT)*** kepada akaun bank penerima.
- 10.2 Menggunakan kod bayaran yang ditetapkan oleh Bahagian Kewangan dan Belanjawan.
- 10.3 Lain-lain kaedah bayaran hendaklah dengan kelulusan Ketua Pengarah RISDA dan mengikut **Peraturan Kewangan RISDA** yang berkuatkuasa.

11.0 TEMPOH PELAKSANAAN

- i) Pelaksanaan bantuan ini adalah mulai 1 Mei 2022 dan tarikh tutup permohonan adalah pada 15 September 2022.
- ii) Rayuan bagi permohonan yang gagal akan dibuka pada 16 September 2022 hingga 31 Oktober 2022.
- iii) Bagi permohonan yang telah lengkap, bayaran hendaklah dibuat dengan kadar segera.

12.0 PELAPORAN

- 12.1 **Laporan BMT 2022** boleh dijana daripada Sistem e-BMT mengikut Ibu Pejabat, Negeri dan Daerah/Jajahan/Bahagian.
- 12.2 Laporan manual dari Bahagian Kewangan dan Belanjawan (BKB) berkaitan pembayaran yang berjaya dibayar atau tidak berjaya dibayar.

13.0 PENUTUP

Adalah diharapkan dengan pemberian bantuan ini dapat membantu pekebun kecil yang terjejas pendapatan akibat tidak boleh menoreh pada musim tengkujuh dan seterusnya meringankan beban kos sara hidup.

TS 20A (Pin. 1/96)



No. Permohonan

PENGAKUAN KEMATIAN DAN WARIS-WARISNYA

BERSABIT DENGAN BANTUAN TANAM SEMULA GETAH RANCANGAN KE:
Dibawah Undang-Undang Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Tanam Semula) 1952

Saya mengesahkan bahawa
telah meninggal dunia pada Waris-waris yang berhak menerima
pesaka simati jalah :-

(Tandatangan/Cap jari Kanan Pemohon)

Tarikh

*(Tandatangan & Nama Saksi
Serta Cop Jawatan)

***Kenyataan :** Bolch disaksikan oleh Pegawai RISDA, Penghulu, Penolong Penghulu, Ketua Kampung, Yang Dipertua Majlis Perbandaran, Pengerusi Majlis Daerah, Pesuruhjaya Sumpah, Jaksa Pendamai atau yang setaraf dengannya.



TS 20B(Pin.1/09)

NO. PERMOHONAN

NO. RUJUKAN

SURAT SUMPAH OLEH PIHAK YANG BERKONGSI/WARIS-WARIS/PEMEGANG AMANAH

Bahwasanya kami yang bertandatangan di bawah ini mengaku menjalankan pekerjaan penanaman semula kebun kecil kami mengikut Rancangan Tanaman Semula Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah dan kami mengaku iaitu membuat permintaan ini dengan pengetahuan dan persetujuan penuh kami orang-orang yang berkongsi/waris-waris/pemegang amanah dengan ini memberi kuasa kepada salah seorang di antara kami:

Encik/Cik:

No. Kad Pengenalan/Tentera/Polis:

Alamat: _____


Untuk menerima apa-apa bantuan bagi pihak kami.

NAMA	NO. KAD PENGENALAN/ TENTERA/POLIS	TARIKH LAHIR	JANTINA	BAHAGIAN HAK MILIK	TANDA TANGAN/ CAP IBU JARI

Tarikh:

Di hadapan saya:

Tandatangan dan Nama Saksi
Serta cap Jawatan dan Jabatannya.

Carta Alir Pelaksanaan Pemberian Bantuan Musim Tengkujuh Tahun 2022 (BMT 2022)**- Permohonan BMT 2022**

AKTIVITI	TANGGUNGJAWAB
<p>1. Permohonan BMT 2022 dibuat secara atas talian (<i>online</i>) sepenuhnya melalui laman web pekebunkecilmakmur.com mengikut kategori seperti berikut :</p> <p>i. Pekebun Kecil (Pemilik Pengusaha) yang bukan di bawah mana-mana Agensi dan menerima bantuan atau skim tanaman getah di bawah RISDA hendaklah menyertakan dokumen sokongan berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Kad Pengenalan pemohon dan salinan; dan b) Geran asal tanah dan salinan; dan c) Salinan buku akaun bank yang aktif. <p>ii. Pekebun Kecil berdaftar dengan RISDA yang menyertai program yang dilaksanakan secara bersepadu oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yang diuruskan oleh RISDA melalui Syarikat Milikan RISDA hendaklah menyertakan dokumen sokongan berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Kad Pengenalan pemohon dan salinan; dan b) Geran asal tanah dan salinan; dan c) Salinan buku akaun bank yang aktif. <p>iii. Pemohon Pekebun Kecil yang menerima bantuan atau skim tanaman getah dari Agensi seperti di Perkara 3.3 (v) hendaklah menyertakan dokumen sokongan berikut :</p>	Pekebun kecil / PT

AKTIVITI	TANGGUNGJAWAB
<p>a) Kad Pengenalan pemohon dan salinan; dan</p> <p>b) Geran asal tanah dan salinan (jika memiliki tanah bergeran atau mempunyai dokumen hakmilik tanah yang sah); dan</p> <p>c) Salinan buku akaun bank yang aktif; dan</p> <p>d) Surat pengesahan daripada Agensi; dan</p> <p>e) Salinan Kad PAT-G yang masih sah atau slip pengaktifan Kad PAT-G (wajib bagi permohonan di bawah Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) sahaja)</p> <p>iv. Pemohon Penoreh Bukan Pemilik hendaklah menyertakan dokumen sokongan berikut :</p> <p>a) Kad Pengenalan pemohon dan salinan; dan</p> <p>b) Salinan Kad Pengenalan pemilik tanah; dan</p> <p>c) Salinan geran lot yang ditoreh; dan</p> <p>d) Salinan buku akaun bank yang aktif; dan</p> <p>e) Salinan Kad PAT-G yang masih masih sah atau slip pengaktifan Kad PAT-G; dan</p> <p>f) Surat pengesahan daripada pemilik tanah / wakil yang sah.</p>	
<p>2. Permohon BMT 2022 dari Kategori Pekebun Kecil juga boleh membuat permohonan di mana-mana Pusat Tanggungjawab RISDA yang berhampiran manakala bagi permohonan Penoreh Bukan Pemilik hanya boleh dibuat di Pusat Tanggungjawab di mana kebun yang ditoreh itu berada.</p>	Pekebun Kecil / PT

AKTIVITI	TANGGUNGJAWAB
3. Semua Pusat Tanggungjawab RISDA hendaklah memastikan semua pemohon membuat temujanji terlebih dahulu sebelum dibenarkan berurus dengan mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan akibat penularan wabak Covid-19 seperti mewujudkan kaunter saringan kesihatan di pintu masuk bagi memastikan bilangan kehadiran bagi setiap sesi, membuat pemeriksaan suhu badan, saringan kesihatan, membersihkan tangan menggunakan <i>hand sanitizer</i> dan mewajibkan pemakaian pelitup muka (<i>face mask</i>). Jumlah kehadiran pemohon bagi satu sesi hendaklah tertakluk kepada saiz keluasan ruang dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dan direkod kehadirannya.	PT / Pekebun Kecil
4. Permohonan BMT 2022 yang diterima dari laman web akan disemak dan diberi kelulusan bagi permohonan yang layak melalui Sistem e-BMT.	PT
5. Data penerima BMT 2022 yang layak akan diproses untuk bayaran bantuan secara EFT ke akaun bank penerima.	BPP / BTM
6. Status permohonan BMT 2022 boleh disemak melalui Portal Pekebun Kecil RISDA oleh pemohon.	Pekebun Kecil
7. Senarai Penerima BMT 2022 dihantar ke Bahagian Kewangan dan Belanjawan (BKB) untuk bayaran secara <i>Electronic Fund Transfer</i> (EFT) ke akaun bank penerima.	BKB / BPP

AKTIVITI	TANGGUNGJAWAB
8. Pemohon menerima bantuan dalam tempoh 1 hingga 5 hari bekerja setelah bayaran secara EFT dibuat. Senarai pemohon yang telah berjaya dibuat bayaran EFT boleh disemak melalui Sistem Semakan BMT secara atas talian atau Sistem e-BMT di semua Pusat Tanggungjawab RISDA.	Pekebun Kecil/PT
9. Laporan manual dari Bahagian Kewangan dan Belanjawan (BKB) berkaitan pembayaran yang berjaya dibayar atau yang gagal dibayar dihantar setiap hari ke Bahagian Produktiviti dan Pemasaran (BPP).	BKB / BPP